MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No.20100101976 (902884-V))

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA PEMEROLEHAN ASET ALIH SYARIKAT

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk mengemukakan bidaan bagi kenderaan berikut:

TAJUK SEBUT HARGA DAN NOMBOR SEBUT HARGA	SYARAT-SYARAT RFQ	MODEL KENDERAAN	NO. PENDAFTARAN	TAHUN PEMBUATAN	SESI PEMPAMERAN KENDERAAN
REQUEST FOR QUOTATION (RFQ) FOR ACQUISITION OF COMPANY VEHICLES **(RFQ NO: GEN-MRTC-GENE-OVPR-RFQ-000024)**	**1. Pembida Syarikat** Pembida Syarikat perlu mempunyai Syarikat yang Sah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). **2. Pembida Individu (Persendirian)** Terbukak hanya kepada Warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun dan ke atas serta memiliki Kad Pengenalan Malaysia (MyKad) yang sah.	1 Hyundai Tucson 2.0	WC 745 F	2015	Kenderaan akan dipamerkan pada **Selasa**, **17 November 2026** sehingga **Khamis, 26 November 2026**, diantara jam **9.00 pagi** hingga **1.00 petang**. Pembida dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan dibawah: 1. Laman web MRT Corp www.mymrt.com.my; 2. https://forms.gle/n7TwHRLSJeMdb6Uq6 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.
		2 Hyundai Tucson 2.0	WC 774 F	2015	
		3 Hyundai Tucson 2.0	WC 726 F	2015	
		4 Hyundai Tucson 2.0	WC 752 F	2015	
		5 Hyundai Tucson 2.0	WC 814 F	2015	
		6 Toyota Fortuner 2.7	W 4830 G	2013	

Nota:

1. Pra-pendaftaran akan bermula pada **Isnin, 16 November 2026** sehingga **Jumaat, 27 November 2026**.
2. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Dokumen RFQ yang disediakan.
3. Pembida dikehendaki mengemukakan Dokumen RFQ yang lengkap diisi beserta maklumat sokongan yang menyeluruh di dalam format dan kaedah penyerahan sepertimana diterangkan di dalam Dokumen RFQ.
4. Tarikh serahan bagi dokumen RFQ yang lengkap ini adalah pada **Isnin, 30 November 2026, tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang kelewatan di dalam penyerahan Dokumen RFQ ini tidak akan diterima.
5. Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
6. Dokumen RFQ akan tersedia kepada Pembida melalui email selepas sesi pempameran kenderaan. MRT Corp Tidak AKAN melayan sebarang permohonan untuk Dokumen RFQ sebelum waktu yang telah dijadualkan di atas.
7. Dengan mengeluarkan kenyataan tawaran ini, MRT Corp tidak terikat untuk menerima harga tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.
8. MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabilit dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
9. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tawaran ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **603-2095 2121** atau e-mail ke ***procurement@mymrt.com.my***